

**ANALISIS KESALAHAN TATABAHASA (ASPEK MORFOLOGI)
DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH: KAJIAN
KES PELAJAR TINGKATAN DUA SEKOLAH MENENGAH DATO'
MANSOR, BAHAU, DAERAH JEMPOL, NEGERI SEMBILAN.**

OLEH

**AB. RAHMAN BIN SAID
(92421627)**

**BAHARUDDIN BIN HJ. SUIB
(92421355)**

**ABD. AZIZ BIN AWANG DARUS
(92422609)**

**Kertas Projek ini disediakan kepada kursus
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang ITM
MELAKA, untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat memperolehi Diploma Pentadbiran Awam.**

JAN - MEI, 1996

PENGHARGAAN

Syukor ke hadrat Allah kerana dengan limpahnya dapat kami menyiapkan penulisan kertas projek ini. Penyempurnaan tugas ini berkat bantuan, kerjasama dan sokongan daripada pihak yang tertentu. Justru itu, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terutama kepada pihak Sekolah Menengah Dato' Mansor, Bahau, guru-guru dan murid-murid yang telah memberikan kerjasama di dalam menyiapkan kertas projek ini.

Kami juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Haji Illias b Zaidi, penyarah PAD 355 yang sentiasa meluangkan masanya untuk memberikan tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan yang sangat berguna sebagai panduan kepada kami dari mula sahingga selesai penulisan ini.

Akhir sekali, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua mereka yang telah memberikan bantuan kepada kami sahingga berhasil menyiapkan Kertas Projek ini. Semoga Allah akan memberi ganjaran kepada mereka hendaknya.

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
BAB 1 - PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Objektif Kajian	6
Hipotesis	7
Skop Kajian dan Keterbatasan	8
Kepentingan Kajian	11
BAB 2 - TINJAUAN TERHADAP KAJIAN YANG BERKAITAN	
Punca Berlakunya Kesalahan Bahasa	14
Analisis Kesalahan Bahasa Melayu	21
Tatabahasa Aspek Morfologi	22
Konsep-Konsep Tentang Proses Morfologi	23
Kajian-Kajian Kesalahan Bahasa yang telah dijalankan.	25
BAB 3 - KAEDAH DAN TATACARA KAJIAN	
Pengenalan	32
Pemilihan Sampel	32
Maklumat Sampel	33
Penganalisisan Data	37

BAB I

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Semenjak negara merdeka pada tahun 1957, beberapa perubahan pesat telah berlaku di dalam sistem pendidikan negara yang kini hanya menggunakan satu bahasa pengantar iaitu bahasa Melayu bagi mengantikan sistem pendidikan Burnes 1949.

Bahasa Melayu telah pernah mengalami zaman kegemilangan sebagai bahasa lingua franca seluruh alam kepulauan Melayu¹. Kedudukan dan mertabat bahasa Melayu telah dijulang kedaulatannya dengan dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (kini Malaysia), Fasal 152 para 1, bahawa "Bahasa Kebangsaan" adalah bahasa Melayu².

Dasar Pelajaran Kebangsaan mengikut Laporan Razak (1958)³ dan Laporan Rahman Talib (1960)⁴ wujud berda-

-
1. Nik Shafiah Karim (1986:1) Bahasa Melayu Persoalan dan Pergolakan. Kuala Lumpur: Gateway Publication.
 2. Perlembagaan Persekutuan Fasal 152.
 3. Laporan Razak digubal ke arah hendak menyatukan budak-budak dari semua bangsa memakai satu peraturan pelajaran dengan menggunakan bahasa Melayu.
 4. Laporan Rahman Talib digubal ke arah hendak menyatukan budak-budak dari semua bangsa memakai satu peraturan pelajaran dengan menggunakan bahasa Malaysia.

sarkan perakuan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia Fasal 152, bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersatupadu melalui sistem persekolahan yang menjadikan bahasa Melayu (Bahasa Malaysia) sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah seluruh negara⁵.

Ini kerana bahasa adalah alat untuk berkomunikasi dan alat untuk berfikir dan seterusnya melahirkan fikiran. Justru, pertumbuhan bahasa itu perlu dirancang dan dikawal supaya perkembangannya berjalan selaras dengan kehendak dan aspirasi negara.

Perkembangan bahasa Melayu adalah perkembangan bahasa yang dirancang dan dikawal atau dilindungi oleh politik negara untuk didaulatkan sebagai bahasa Melayu tinggi dalam segala aspek kebahasaan⁶. Bahasa Melayu yang telah menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara semenjak merdeka terus berkembang pesat dan kini diiktiraf sebagai bahasa ilmu dan bahasa serantau dan jika boleh sebagai bahasa antarabangsa.

5. Raja Mukhtaruddin b Raja Dain (1982: 110) Pembentuan Perancangan Bahasa Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

6. Jais Sabok (1986) Peranan Perancangan Bahasa Dalam Mengatasi Masalah Bahasa Malaysia, Jurnal Dewan Bahasa Jld. 32 Bil:9:644.